

| | |
|---------------|------------------------------------|
| TARIKH | SELASA, 26 SEPTEMBER 2023 |
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK ARTIKEL | BIROKRASI KERAJAAN PERLU REFORMASI |
| M/S | 7 |
| BIDANG | CIVIL SERVICE |
| KATA KUNCI | CIVIL SERVICE |

Birokrasi kerajaan perlu reformasi

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Cara pentadbiran kerajaan yang ketinggalan zaman melibatkan berbagai-bagai peringkat dan proses pengurusan yang terlalu banyak peraturan perlu dirombak jika mahu kerena birokrasi dihapuskan dengan segera.

Ini pernah dilakukan secara besar-besaran ketika pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad melibatkan tiga aspek utama iaitu pembaharuan struktur perkhidmatan awam, prosedur pentadbiran dan pembudayaan kakitangan awam.

Antara pembaharuan terhadap struktur perkhidmatan awam yang dilaksanakan sebelum ini ialah dasar persyarikatan, dasar penswastaaan dan pengecilan saiz sektor awam.

Ia diikuti dengan perubahan kepada sistem gaji dan perkhidmatan, sistem pengurusan kewangan dan belanjawan, sistem elektronik, penyediaan perkhidmatan kaunter berkualiti serta piagam pelanggan.

Pembaharuan terhadap kakitangan awam pula melibatkan peraturan tatatertib dan disiplin, garis panduan Etika Perkhidmatan Awam (EPA), dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Pandang Ke Timur, dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, gerakan Budaya Kerja Cemerlang serta program latihan dan motivasi.

Justeru, tidak mustahil pembaharuan juga boleh dilakukan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terutamanya menerusi Bahagian Reformasi Sektor Awam di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Felo Kanan Akademi Nusantara (NASR), Dr. Azmi Hassan menyifatkan, kerena birokrasi hanya boleh dihapuskan jika peraturan-peraturan yang wujud dalam pentadbiran kerajaan ketika ini disemak semula.

Katanya, peraturan sedia ada yang dikuatkuasakan ketika ini menjadi punca Malaysia agak ketinggalan berbanding negara-negara ASEAN lain.



Kerena birokrasi hanya boleh dihapuskan jika peraturan-peraturan yang wujud dalam pentadbiran kerajaan ketika ini disemak semula.”

DR. AZMI HASSAN

“Kalau kita hendak bandingkan dengan Singapura, Indonesia atau Vietnam, mereka lebih cepat, mudah, efisien dan lebih terurus sebab peraturan mereka memudahkan kelulusan sesuatu perkara.

“Jadi, dalam hal ini, kerena birokrasi mesti bermula daripada menukar peraturan atau perundangan sedia ada supaya lebih mudah lagi untuk penjawat awam menjalankan tugas mereka,” katanya ketika dihubungi.

Katanya lagi, kerena birokrasi wujud bukan kerana sikap penjawat awam atau agensi berkaitan semata-mata.

“Penjawat awam yang bertanggungjawab mengikut peraturan sebab itu ada urusan seperti tempoh meluluskan satu-satu permohonan melaksanakan perniagaan umpamanya agak panjang,” katanya.

Pada masa sama, katanya, kerena birokrasi perlu ditangani segera kerana ia menjadi salah satu penentu kepada pelabur asing sama ada mereka akan memilih Malaysia atau negara lain.

“Contohnya, Vietnam boleh melakukannya kerana mereka tahu lagi cepat proses permohonan itu dibuat maka lagi cepat tarikan (pelaburan) dilakukan. Lazimnya, proses permohonan daripada satu entiti perniagaan datang secara serentak, kemungkinan mereka mempunyai pilihan sama ada Vietnam, Indonesia atau Malaysia, mana lebih cepat, mana lebih murah dan mana lebih efisien, itulah yang mereka akan pergi untuk melabur,” ujarnya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM